

## 5. KAEDAH SALURAN PERMOHONAN

Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar melalui saluran berikut:-

- (a) Serahan tangan di pejabat MPSP; atau
- (b) Secara Pos dan dialamatkan kepada:-  
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta  
Majlis Perbandaran Seberang Perai  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda  
14000, Bukit Mertajam  
Pulau Pinang

## 6. SOALAN-SOALAN LAZIM

- (a) Pertubuhan kami memiliki dua kedai di Seberang Perai. Sebuah kedai digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan yang memberi kebajikan kepada orang awam manakala sebuah kedai lagi disewakan kepada pihak lain. Bolehkah kami memohon pengurangan atau pengecualian cukai taksiran bagi kedua-dua kedai tersebut?

**Jawapan:-**

(i) Kedai yang didaftarkan atas nama pertubuhan yang sah dan digunakan sebagai menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhan bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan dan mematuhi kesemua syarat-syarat yang ditetapkan MPSP adalah layak membuat permohonan pengurangan atau pengecualian cukai taksiran.

(ii) Kedai yang dimiliki oleh pertubuhan berdaftar tetapi disewakan kepada pihak lain adalah TIDAK LAYAK membuat permohonan pengurangan atau pengecualian cukai taksiran kerana tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPSP.

- (b) Saya sedang menyewa pejabat saya kepada sebuah Pertubuhan yang berdaftar dan merupakan organisasi yang melakukan kebajikan kepada pelajar sekolah. Bolehkah saya memohon pengurangan atau pengecualian cukai taksiran bagi pejabat yang sedang kami sewakan?

**Jawapan:-**

Tidak boleh.

- (c) Pertubuhan kami memiliki sebuah rumah dalam satu skim kediaman. Semua aktiviti persatuan bagi tujuan amal dilakukan dalam rumah tersebut. Adakah kami layak untuk memohon pengurangan atau pengecualian cukai taksiran?

**Jawapan:-**

Tidak layak kerana tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPSP.

## UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

SILA HUBUNGI DI TALIAN:

04-5497 493/494/503

ATAU E-MEL KEPADA:

pen@mpsp.gov.my



MAJLIS PERBANDARAN  
SEBERANG PERAI  
www.mpsp.gov.my

# PUBLISITI

## SEKSYEN 135

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(AKTA 171)

## PENGECUALIAN ATAU PENGURANGAN KADAR

## 1. PERUNTUKAN SEKSYEN 135, AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)

Apabila sesuatu pegangan atau sesuatu bahagian daripadanya **digunakan semata-mata bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan, dan bukan untuk mendapat keuntungan** wang Pihak Berkuasa Negeri boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan pegangan atau bahagian pegangan itu daripada pembayaran semua atau mana-mana kadar atau boleh mengurangkan apa-apa kadar yang dikenakan ke atas pegangan atau bahagian pegangan itu.

## 2. JENIS HARTA YANG DIBENARKAN

- (a) Permohonan pengecualian atau pengurangan kadar di bawah Seksyen 135, Akta 171 boleh mempertimbangkan semua pegangan samada jenis teres, berkembar, sesebuah atau pangsa yang digunakan bagi tujuan rekreasi, sosial atau kebajikan sahaja.
- (b) Secara umumnya, kebajikan boleh dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu:-
  - (i) Amanah untuk meringankan kemiskinan
  - (ii) Amanah untuk kemajuan pendidikan
  - (iii) Amanah untuk kemajuan keagamaan
  - (iv) Amanah untuk lain-lain tujuan yang memberi manfaat kepada masyarakat yang tidak termasuk di bawah mana-mana perkara di atas.
- (c) Pegangan tersebut hendaklah dimiliki oleh organisasi yang memberi khidmat atau manfaat kepada rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.

## 3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK PENGECEUALIAN ATAU PENGURANGAN CUKAI TAKSIRAN

- (a) Sesuatu pegangan atau sesuatu bahagian daripadanya digunakan semata-mata bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan; dan
- (b) Pegangan digunakan bukan untuk maksud mendapatkan keuntungan; dan
- (c) Pegangan hendaklah dimiliki oleh Pertubuhan yang sah dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia; dan
- (d) Kegunaan pegangan adalah mengikut kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan Sijil layak Menduduki (OC) / Sijil Perakuan dan Pematuhan (CCC); dan
- (e) Pegangan hendaklah beroperasi dan digunakan bagi maksud menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhan sahaja dan tidak digunakan oleh pihak-pihak lain bagi maksud selainnya.

Mana-mana pegangan yang memenuhi kesemua kriteria (a) hingga (e) tersebut adalah layak untuk memohon untuk mendapatkan pengecualian atau pengurangan cukai taksiran.

## 4. PROSEDUR PERMOHONAN PENGECEUALIAN ATAU PENGURANGAN CUKAI TAKSIRAN

Pemohon yang layak dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan di perenggan 3(a) hingga (e) hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPSP.

Permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:-

- (a) Surat permohonan lengkap dengan kepala surat (*letterhead*) daripada pemilik berdaftar pegangan yang merupakan pertubuhan yang sah.
- (b) Sesalinan suratan hakmilik tanah yang didaftarkan atas nama pertubuhan dan diperakui sah.
- (c) Sesalinan sijil pendaftaran pertubuhan daripada Pendaftar Pertubuhan Malaysia yang diperakui sah.
- (d) Sesalinan perlembagaan / undang-undang pertubuhan yang diperakui sah.
- (e) Senarai nama ahli jawatankuasa pertubuhan terkini yang lengkap dan diperakui sah.
- (f) Rekod minit mesyuarat jawatankuasa pertubuhan yang diperakui sah.
- (g) Sesalinan surat pengesahan pelepasan cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- (h) Penyata kewangan untuk 3 tahun terkini yang telah diaudit oleh juruaudit bertauliah.
- (i) Senarai program/aktiviti yang akan dan telah dikelolakan dalam tempoh 3 tahun terkini
- (j) Sesalinan bil utiliti daripada PBA dan TNB bagi pegangan tersebut.
- (k) Bil cukai taksiran yang telah dijelaskan tanpa tunggakan.

Senarai semak permohonan pengecualian atau pengurangan kadar ini juga boleh didapati di laman web rasmi MPSP di alamat [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my).

Pemohon adalah digalakkan untuk mencetak Senarai Semak tersebut dan dikepulkan bersama-sama dokumen permohonan bagi memudahkan semakan pemohon.